

PROFIL UNIT PENJAGAAN LUKA HSNZ


1. Pengenalan

Pasukan Penjagaan Luka HSNZ mula ditubuhkan sejak 2007 sebagai 'Diabetic Foot Center' di Klinik Ortopedik HSNZ dan kemudian berpindah ke Jabatan Pesakit Luar HSNZ pada 2012. Unit Penjagaan Luka mula beroperasi di Bangunan asrama ILKMM Kuala Terengganu sejak 01 Ogos 2022. Unit Penjagaan Luka diselia di bawah jabatan pengurusan – direktorat diagnostik dan sokongan klinikal HSNZ.

2. Objektif

Meningkatkan kualiti penjagaan luka dengan pencapaian keberhasilan rawatan yang lebih berkesan yang berlandaskan garis panduan dan protokol saintifik.

3. Carta organisasi



4. Perkhidmatan yang disediakan

- 4.1 Rawatan pesakit dalam
 - 4.1.1 pesakit dalam meliputi kes-kes luka yang bermasalah yang dirujuk dari wad
 - 4.1.2 Kes yang baru dirujuk akan dilihat oleh pasukan penjagaan luka dalam masa 48 jam bekerja.
 - 4.1.3 Pasukan penjagaan luka tidak bertanggungjawab untuk melakukan prosedur pencucian luka ke atas pesakit yang dirujuk, tetapi memberikan khidmat nasihat kepada *primary team*.
 - 4.1.4 Pasukan penjagaan luka tidak melakukan *routine review* pesakit di wad kerana perawatan Utama pesakit masih merupakan tanggungjawab *primary team*.
 - 4.1.5 Pesakit yang memerlukan rawatan susulan selepas keluarga daripada wad akan diberikan tarikh sebagai pesakit luar di Klinik Penjagaan Luka dalam masa 2 minggu dari tarikh keluar wad.
- 4.2 Rawatan pesakit luar
 - 4.2.1 Rawatan untuk pesakit luar merupakan kes-kes yang dirujuk dari wad dan mana-mana agensi kesihatan kerajaan mahupun swasta.
 - 4.2.2 Semua kes mestilah dirujuk kepada pasukan penjagaan luka dan *primary team* dan mempunyai temujanji dahulu sebelum dilihat di klinik penjagaan luka.
 - 4.2.3 Klinik Penjagaan Luka hanya menerima pesakit yang berada dalam keadaan yang stabil.

5. Jadual perkhidmatan klinik

Hari	Masa Bekerja	Masa Rehat
Ahad - Rabu	8.00 am – 1.00 pm 2.00 pm – 5.00 pm	1.00 pm – 2.00 pm
Khamis	8.00 am – 1.00 pm 2.00 pm – 3.30 pm	1.00 pm – 2.00 pm
Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum	TUTUP	

6. Peta lokasi



7. SOP jabatan / Unit

- 7.1 Definisi
- Luka kronik (chronic wound) : luka yang mengalami kegagalan dalam proses penyembuhan.
 - 'Hard to heal wound' : luka yang tidak menunjukkan sebarang atau sedikit penyembuhan dalam tempoh 2 hingga 4 minggu selepas mendapat rawatan yang optimum.
- 7.2 Luka yang ringan dan akut adalah tanggungjawab primary team. Unit Penjagaan Luka hanya merawat luka seperti yang dinyatakan dalam definisi.
- 7.3 Rujukan kes ke Unit Penjagaan Luka HSNZ perlu dibuat oleh pegawai perubatan / pakar yang merawat pesakit melalui panggilan telefon pada waktu bekerja (Ahad – Rabu, 8.00 pagi – 5.00 petang dan Khamis, 8.00 pagi – 3.30 petang) sahaja.
- 7.4 Unit Penjagaan Luka HSNZ hanya menerima pesakit yang berada dalam keadaan klinikal yang stabil.

8. FAQ

8.1 Apa fungsi klinik penjagaan luka HSNZ?

Klinik Penjagaan Luka menyediakan perkhidmatan penjagaan dan perawatan luka secara moden kepada pesakit luar dan pesakit dalam yang dirujuk.

8.2 Apakah kelebihan perawatan luka secara moden (modern dressing) berbanding perawatan luka konvensional?

Perawatan luka menggunakan kaedah konvensional didapati kurang berkesan dan menyebabkan beban kerja yang tinggi kerana kaedah ini memerlukan luka dicuci setiap hari.

Kaedah perawatan secara moden ini terbukti mempercepatkan penyembuhan dan dapat meningkatkan kualiti penjagaan luka, memberikan kepuasan kepada pesakit, keluarga dan dapat mengurangkan beban perkhidmatan di fasiliti kesihatan.

8.3 Apakah contoh-contoh kes yang boleh dirujuk ke klinik penjagaan luka HSNZ?

- i. Ciri-ciri luka
 - a. Luka jenis 6 (wet, non infected wound with >25% slough/ necrotic tissue)
 - b. Luka jenis 7 (dry, infected wound with >25% slough/ necrotic tissue)
 - c. Luka jenis 8 (wet, infected wound with >25% slough/ necrotic tissue)
- ii. Kes-kes luka yang memerlukan advance dressing dan adjunct therapy seperti npwt, maggot debridement therapy dan lain-lain.
- iii. 'Hard to heal wound' yang tidak menunjukkan pengurangan saiz luka sebanyak 20 - 30% selepas rawatan standard selama 2-4 minggu

9. Aktiviti jabatan / unit (aktiviti semasa)

9.1 Aktiviti perawatan dan penjagaan luka pesakit luar dan pesakit dalam

- Wound dressing
- Wound debridement / desloughing
- Adjunct therapy : e.g Pressure Wound Therapy (NPWT), Maggot therapy

9.2 Aktiviti pembelajaran

- Menganjurkan latihan dan kursus berkaitan perawatan luka kepada anggota kesihatan di HSNZ
- Latihan sangkutan dari anggota kesihatan HSNZ, hospital daerah dan klinik kesihatan

10. Galeri (gambar fasiliti dan aktiviti jabatan)



11. Penerbitan

12. Banner